

15/10/1998

PM tidak lantik pemangku Menteri Dalam Negeri

SHAH ALAM, Rabu - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak akan melantik pemangku Menteri Dalam Negeri semasa lawatan kerja lima hari ke Jepun yang bermula esok.

Perdana Menteri berkata, sewaktu ketiadaannya dua Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan Kedua akan menjalankan tugas-tugasnya apabila perlu.

Dua Timbalan Menteri Dalam Negeri itu ialah Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Datuk Ong Ka Ting sementara Menteri Kewangan Kedua ialah Datuk Mustapa Mohamed.

Dr Mahathir juga berkata adalah tidak perlu bagi beliau melantik seorang Timbalan Perdana Menteri sewaktu ketiadaannya.

"Tugas-tugas Perdana Menteri yang rutin boleh dijalankan seperti biasa. Yang lain, mereka boleh berhubung dengan saya sepanjang masa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Perpaduan 1998 peringkat kebangsaan di sini, hari ini.

Secara berseloroh, Dr Mahathir berkata beliau cuma memerlukan enam jam untuk kembali ke tanah air dari Jepun sekiranya perlu.

Sementara itu, Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan berkata, Dr Mahathir akan berlepas ke Tokyo esok untuk lawatan kerja lima hari ke Jepun.

Beliau akan diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Di Tokyo, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan ahli perniagaan terkemuka, tokoh bank dan cendekiawan.

Beliau akan berbincang dengan ahli Pertubuhan Persekutuan Ekonomi Jepun (Keidanren).

Perdana Menteri juga dijadual menemui rakan sejawatannya Keizo Obuchi dan menghadap Maharaja Akihito pada Isnin.

Pada Selasa, Dr Mahathir akan bersarapan dengan anggota Parlimen Jepun sebelum berucap pada satu seminar.

Beberapa temubual telah diatur untuk beliau termasuk oleh ketua pengarang Asahi Shimbun, Mainichi, Yomiuri, Nikkei dan NHK. Dr Mahathir juga dijadual menemui pelajar Malaysia dan kakitangan kedutaan.

(END)